

**TITAH UCAPAN DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED FAIZUDDIN  
PUTRA JAMALULLAIL SEMPENA FESTIVAL NASYID IPTA PERINGKAT  
KEBANGSAAN 2004/1425H DAN MAJLIS PENUTUPAN RASMI SAMBUTAN  
BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT KUKUM 2004 DI DEWAN WARISAN,  
KANGAR PADA 16 SEPTEMBER 2004.**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama di malam yang penuh keberkatan ini di Festival Nasyid IPTA Peringkat Kebangsaan 2004/1425H dan Majlis Penutupan Rasmi Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat KUKUM 2004.

Terlebih dahulu, Beta ingin mengucapkan terima kasih kepada Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia di atas kesudian menjemput Beta berdua ke majlis ini. Sebagai Canselor, Beta amat berbangga kerana usaha julung kali KUKUM dalam menganjurkan festival nasyid yang melibatkan kesemua Institusi Pengajian Tinggi Awam di negara ini.

Walaupun masih baru dalam senario pendidikan tinggi, KUKUM telah membuktikan alah bisa tegal biasa dan tidak ada yang mustahil jika segala tenaga dan usaha yang gigih dipusatkan dalam menghadapi atau menangani sebarang tugas dalam apa jua keadaan tidak kira di mana jua dan pada bila-bila masa.

Beta melihat impak yang bakal dicetuskan dari pengajuran festival nasyid sebegini amat besar. Dengan tema ‘Pembudayaan Nasyid Ke Arah Melahirkan Mahasiswa Berkeperibadian Mulia’, ia dapat dijadikan sebagai platform dalam usaha membentuk golongan mahasiswa alaf baru yang lebih seimbang dari segi rohani dan jasmani dalam menghadapi era globalisasi dan budaya barat yang semakin hilang nilai-nilai moral dan ada ketikanya ia terlalu bertentangan dengan budaya kita masyarakat timur.

Beta amat tertarik dengan pepatah Melayu lama yang berbunyi, “kalau mahu melentur buluh, biar lah dari rebungnya”. Bagi membentuk masyarakat yang berkeperibadian mulia, ia seharusnya bermula dari usia seseorang ini masih di peringkat kanak-kanak lagi. Ironinya, tidak semua orang berpeluang melanjutkan pelajaran hingga ke puncak menara gading.

Justeru itu Beta ingin menyarankan Kementerian Pelajaran atau mana-mana Kementerian yang berkaitan memberi perhatian yang serius dalam menyemai dan membentuk sifat-

sifat mulia di kalangan pelajar baik di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah. Beta percaya proses pemurnian ini akan jadi dangkal dan membosankan sekiranya ia hanya berlegar-legar di sekitar dunia buku teks, mata pelajaran dan peperiksaan. Ia seharusnya mengambil pakai konsep 'Learning is Fun'.

Beta melihat bidang kesenian adalah medium yang sesuai bagi menimbulkan minat dan membangkitkan rasa seronok di kalangan pelajar dalam pembelajaran yang berbentuk keagamaan. Mesej yang disampaikan akan jadi lebih mudah dan secara tidak langsung juga dunia pelajaran mereka tidak akan menjadi rigid dan rutin.

Jadi dengan adanya pertandingan nasyid bagi pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di peringkat kebangsaan seperti mana pada malam ini di peringkat universiti, usaha tersebut baru berada di landasan yang betul kerana ia bermula dari yang rendah hingga lah ke peringkat yang tertinggi. Hasilannya, ia suatu usaha yang menyeluruh dan berterusan.

Kefahaman kepada agama amat penting kerana dewasa ini gejala sosial yang membabitkan golongan remaja di negara ini semakin serius. Jika usaha ini tidak ditangani dengan segera maka usaha mahu membentuk bukan sahaja mahasiswa tetapi masyarakat yang berkeperibadian mulia akan jadi sia-sia sahaja.

Dalam pada itu, Beta ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada KUKUM kerana telah merangka pelbagai aktiviti dan program yang menarik sepanjang Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat KUKUM 2004. Usaha anda semua amat terpuji kerana masyarakat yang merdeka ialah masyarakat yang tahu dan kenal diri dan mempunyai semangat jatidiri yang kental.

Beta berharap aktiviti dan program yang telah dijalankan tersebut dapat menyemai semangat cintakan negara, agama dan bangsa yang tercinta. Akhir kata dengan lafaz Bismillah Hirrahman Nirrahim, Beta dengan ini merasmikan Festival Nasyid IPTA Kemerdekaan Peringkat Kebangsaan 2004 dan menutup Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat KUKUM 2004.

Beta sudahi dengan Wabillahi Taufil Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.